

UMP pusat sukan bola keranjang

Sinar (Sukan) Selasa 12/10/10 VNS Y24

KUANTAN - Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi menjadikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai pusat sukan tumpuan bola keranjang di negara ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, pelantikan itu antara usaha kementerian melahirkan 30 peratus atlet negara bertaraf antarabangsa dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Menurutnya, selain dapat melahirkan pemain berkualiti, program itu juga berupaya menghasilkan mereka yang terbabit dengan sukan bola keranjang seperti jurulatih, pengurus pasukan, pegawai kejohanan dan pengadil.

"Pemilihan UMP sebagai pusat sukan tumpuan bola keranjang diputuskan selepas mengambil kira komitmen yang diberikan pihak pengurusan universiti itu.



■ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah pada majlis perasmian Karnival Bola Keranjang 3 On 3 IPT 2010 di Stadium Tertutup Sukpa Indera Mahkota.

"Selain memiliki kemudahan gelanggang dan pegawai berpengalaman, UMP juga menyediakan sudut sukan bola keranjang di depan perpustakaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Perasmian Karnival Bola Keranjang 3 On 3 IPT 2010 anjuran UMP dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi di Stadium Tertutup Sukpa Indera Mahkota, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Pada karnival kali pertama itu, 113 pasukan IPT dan 20 sekolah menengah mengambil bahagian untuk merebut gelaran juara.

Saifuddin berkata, peruntukan sebanyak RM200,000 diberikan kepada UMP pada tahun pertama untuk menyajakan program pembangunan sukan bola keranjang.

Katanya, peruntukan tambahan akan diberikan kepada mereka untuk menyajakan kejohanan di peringkat IPT, politeknik, kolej komuniti dan sekolah menengah yang diadakan dari semasa ke semasa.

"Bola keranjang kini menjadi sukan pelbagai kaum di negara ini, bukan hanya dimonopoli pemain Cina seperti yang berlaku sebelum ini.

"Kini terdapat kira-kira 500,000 pemain Melayu dan India mampu

bermain bola keranjang, terdapat dalam kalangan mereka terpilih mewakili negara di peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Dr Daing Nasir berkata, pihaknya akan menawarkan jawatan jurulatih tetap yang bertanggungjawab melahirkan lebih ramai pemain bola keranjang berkualiti.

"Kita juga menjadikan 11 sekolah menengah seluruh negeri sebagai sekolah angkat pembangunan bola keranjang dan ia akan diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat.

"Dalam tempoh terdekat ini, saya memberi jaminan UMP akan berjaya melahirkan ramai pemain bola keranjang berkualiti untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa," katanya.

Kini UMP mempunyai lebih 100 pemain.